

Retreat Akademik (Prasiswazah & Pascasiswazah) Disember 2014

Retreat Akademik (Prasiswazah & Pascasiswazah) 2014 telah diadakan pada 11-13 Disember 2014 di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu. Retreat ini dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Baba Musta, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam dan buat julung kalinya retreat bagi FSSA selepas pembentukan fakulti yang melibatkan penggabungan dua (2) buah sekolah iaitu, Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa.

Retreat kali ini disertai oleh Timbalan-timbalan Dekan, 14 Ketua Program, Profesor, ahli UMPK, Penyelaras Pascasiswazah dan beberapa staf bukan akademik selaku urusetia. Objektif-objektif Retreat Akademik (Prasiswazah dan pascisiswazah) adalah seperti berikut:

- i. Pembentangan Pelaksanaan Resolusi Retreat Akademik 2013
- ii. Pemurnian Dokumen MQF Prasiswazah FSSA
- iii. Pemurnian Dokumen MQF Pascasiswazah FSSA
- iv. Pembentangan Analisis survey dan Kajian Pengesahan Graduan bagi pelaksanaan 4 Tahun Pengajian
- v. Perbincangan kursus teras fakulti dan kursus-kursus program yang sama diantara kompleks perhutanan dan S&T
- vi. Perbincangan Direktori FSSA
- vii. Penstrukturkan semula skop tugas bahagian akademik dan pentadbiran FSSA

Beberapa resolusi retreat telah diperolehi berdasarkan objektif retreat yang dibincangkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2015.